



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 5, Issue 2, February 2020

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocsciences.com

Kearifan Tempatan dalam Sistem Bombon oleh Masyarakat Kadazandusun di Kiulu, Tuaran, Sabah

Jacinta Tangil¹, Asmiaty Amat¹

¹Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Correspondence: Jacinta Tangil (jessukm@yahoo.com)

Abstrak

Tulisan ini membincangkan sistem Bombon sebagai salah satu kearifan tempatan masyarakat Kadazandusun yang dilaksanakan sejak zaman nenek moyang mereka. Sistem ini digunakan sebagai satu kaedah pemuliharaan ikan air tawar secara tradisional yang paling berkesan. Melalui sistem Bombon, masyarakat Kadazandusun dapat melestarikan alam sekitar seterusnya dapat memastikan mereka mendapat sumber ikan secara berterusan. Sistem Bombon jelas memperlihatkan pengetahuan, nilai, kelakuan serta sikap masyarakat Kadazandusun terhadap alam sekitar dan hubungan sesama manusia. Manfaat pelaksanaan sistem Bombon yang paling penting adalah sebagai agen penyatuan seluruh penduduk kampung. Sebagai salah satu kearifan tempatan masyarakat Kadazandusun, hukum adat tidak dapat dipisahkan dengan aktiviti ini. Pada hari ini, sistem Bombon bukan sahaja boleh dibanggakan sebagai warisan budaya masyarakat Kadazandusun malah sebagai salah satu warisan kebangsaan. Kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan iaitu temu bual, pemerhatian dan kajian kepustakaan.

Kata kunci: kearifan tempatan, Bombon, Kadazandusun, sogit, warisan kebangsaan, hukum adat

Local Wisdom in the Bombon System by the Kadazandusun Society in Kiulu, Tuaran, Sabah

Abstract

This paper discusses the Bombon system as one of the local wisdom of the Kadazandusun community practiced since the time of their ancestors. This system is used as the most effective traditional method of conserving freshwater fish. Through the Bombon system, the Kadazandusun community is able to conserve the environment and thus ensure that they continue to source fish. The Bombon system clearly reflects the Kadazandusun community's knowledge, values, attitudes and attitudes towards the environment and human relationships. The most important benefit of implementing the Bombon system is that it serves as a unifying agent for the entire village. As one of the local virtues of the Kadazandusun community, customary law cannot be separated from this activity. Today, the Bombon system can be regarded not only as a cultural heritage of the Kadazandusun community but also as a national heritage. This study uses field study methods, interviews, observations and library research.

Keywords: local wisdom, Bombon, Kadazandusun, sogit, national heritage, customary law

Pengenalan

Kearifan tempatan atau *local wisdom* dalam bahasa Inggeris bermaksud *local genius, local knowledge, indigenous wisdom, indigenous knowledge, native science dan citizen science*. Mengikut Kamus Dwibahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka (2001:706), *local* bermakna tempat tertentu khususnya tempat sendiri ataupun tempatan manakala *wisdom* pula membawa maksud kebijaksanaan atau keupayaan membuat penilaian yang baik dan matang atau kebijaksanaan. Secara umum, semua istilah tersebut merujuk kepada bentuk pandangan hidup, ilmu pengetahuan, kebijaksanaan, nilai yang baik dan berbagai-bagai strategi yang dilakukan oleh manusia untuk keperluan kehidupan mereka mengikut keadaan setempat dan diikuti oleh anggota masyarakat.

Kearifan tempatan juga dikenali sebagai kebijaksanaan atau pengetahuan penduduk untuk bertahan dalam kehidupan mengikut persekitaran mereka sesuai dengan kepercayaan dan keperluan mereka. Kearifan tempatan tidak wujud dengan serta merta tetapi melalui satu proses yang panjang sehingga terbukti dan diakui manfaatnya dalam kehidupan mereka. Kebijaksanaan atau pengetahuan tersebut diwarisi daripada nenek moyang mereka sendiri, dan bukanlah dipelajari atau diperoleh daripada negara, bangsa, suku kaum atau etnik yang lain (Rohana Sufia, Sumarmi dan Amirudin, 2016). Kearifan tempatan diinterpretasikan sebagai pengetahuan tempatan yang berasal daripada budaya masyarakat yang unik, mempunyai hubungan yang rapat dengan alam dan melalui sejarah yang panjang, beradaptasi dengan sistem ekologi setempat, bersifat dinamis dan selalu terbuka dengan pengetahuan baru (Abdul Mukti, 2010:2).

Setiap kumpulan masyarakat asli mempunyai cara unik tersendiri yang mempunyai hubungan dengan ekonomi, amalan hidup, kerohanian, politik dan perkaitan sejarah dengan tanah leluhur mereka sendiri. Kebanyakan masyarakat asli di seluruh dunia melihat alam sekitar secara keseluruhan, iaitu semua bahagian saling berhubung dengan sebab-sebab yang berhubungkait dengan kesan, tindakan dan hasil, tingkah laku dan akibatnya. Manusia, haiwan, tumbuhan, objek semulajadi, dan entiti ghaib tidak berasingan dan berbeza. Sebaliknya, mereka semua dihubungkan antara satu sama lain dan ke tempat-tempat di mana mereka tinggal melalui tradisi kebudayaan dan hubungan interaktif dan timbal balik. Begitu juga dengan masyarakat Kadazandusun yang merupakan penduduk asal negeri Sabah, Malaysia yang mempunyai gugusan kearifan tempatan mereka sendiri. Masyarakat Kadazandusun secara tradisi adalah masyarakat yang mengamalkan aktiviti pertanian, terutamanya penanaman padi sawah dan padi bukit (Luping, 2009:94). Mereka juga menjalankan aktiviti berburu serta menangkap ikan sungai. Sebahagian besar kearifan tempatan masyarakat ini telah disesuaikan dengan lagu tradisional, cerita rakyat, mimpi dan juga kaedah serta amalan kehidupan seharian mereka. Dalam penjagaan alam sekitar, sistem Bombon yang diamalkan sejak zaman nenek moyang mereka merupakan salah satu kearifan tempatan masyarakat Kadazandusun yang dapat bertahan sehingga kini dan dianggap sebagai satu warisan yang tidak ternilai. Sehingga kini, sistem Bombon telah diiktiraf oleh pihak kerajaan melalui Jabatan Perikanan Negeri Sabah sebagai salah satu cara pemuliharaan ikan air tawar secara tradisional yang paling berkesan.

Sorotan Literatur

Nakorntap et.al (1996) dalam Mungmachon (2012:176) menyatakan bahawa kearifan tempatan adalah pengetahuan asas yang diperoleh melalui kehidupan yang seimbang dengan alam. Pengetahuan ini termasuklah sesuatu yang abstrak dan yang konkrit. Bagaimanapun karekter penting adalah ia wujud hasil daripada pengalaman atau kebenaran daripada pengalaman hidup. Pengetahuan seperti ini berkembang dalam ruang lingkup tempatan, disesuaikan dengan keadaan dan keperluan masyarakat. Pengetahuan ini juga merupakan hasil kreativiti dan beberapa kali percubaan secara terus menerus dengan melibatkan inovasi internal dan pengaruh luaran dalam usaha penyesuaian dengan kondisi baru. Harrington pula menambah bahawa kearifan tempatan adalah gagasan pengetahuan, amalan dan kepercayaan, yang berkembang melalui proses penyesuaian dan disampaikan dari satu generasi ke satu generasi melalui transmisi budaya. Gagasan tersebut merangkumi semua bentuk hubungan sesama makhluk yang hidup (manusia dan bukan manusia) dan dengan alam sekitar. Penjelasan tersebut seiring dengan penjelasan konsep yang diberikan oleh Evelina L. W. (2016) bahawa-kearifan tempatan

adalah idea, nilai atau pandangan setempat yang bijak, kebijaksanaan penuh, nilai yang baik, tertanam dan diikuti oleh anggota masyarakat. Maka kearifan tempatan dapat menanamkan nilai yang ada percaya kepada kebenaran dan menjadi rujukan dalam kehidupan harian dan sebagai panduan untuk berkelakuan dalam komuniti (Atmadi, 2013).

Moendardjito (dalam Ayatrohaedi, 1986:40-41) menyatakan bahawa unsur budaya sesuatu tempat berupaya menjadi suatu kearifan tempatan kerana kemampuannya untuk bertahan sehingga sekarang sudah teruji. Hal ini bermakna, budaya yang banyak dipengaruhi oleh aspek berkaitan sistem kepercayaan tradisional, iaitu untuk menjaga hubungan antara manusia dengan kuasa *supernatural*, antara manusia dengan alam sekitar dan hubungan antara manusia dengan manusia berupaya untuk dipertahankan oleh sesuatu komuniti.

Sehubungan itu, dalam kajian ini, konsep kearifan tempatan digunakan untuk memahami cara-cara masyarakat Kadazandusun menjaga hubungan antara manusia dengan alam sekitar sesuai dengan adat dan kepercayaan mereka sendiri melalui aktiviti Bombon. Hal ini kerana kearifan lokal merupakan sebahagian daripada cara masyarakat untuk bertahan hidup sesuai dengan keadaan sekeliling, sesuai dengan keperluan dan kepercayaan yang telah meresap dalam kehidupan dan sukar untuk dihilangkan. Melalui pengalaman hidup masyarakat Kadazandusun yang hidup secara sederhana, menjaga dan menghormati alam, saling menghormati dan sedar akan keperluan untuk mengekalkan keadaan persekitaran untuk kelangsungan hidup, maka, kajian tentang sistem Bombon sesuai menggunakan konsep kearifan tempatan untuk memahami amalan tersebut.

Kearifan tempatan masyarakat Kadazandusun amat berkait rapat dengan adat dan kepercayaan tradisional mereka. Segundad (2004) dan Shim (2007) menjelaskan bahawa amalan adat dalam masyarakat Kadazandusun percaya bahawa mereka perlu menyediakan alam yang seimbang dan hanya menggunakan sumber alam mengikut keperluan sahaja. Hal ini adalah untuk memastikan anak cucu mereka turut menikmati sumber alam tersebut. Maka itu adat berkaitan pelanggaran peraturan berkaitan sumber alam amat dititikberatkan. Bioiversiti tempatan perlu dikekalkan kerana mereka berpendapat bahawa biodiversiti yang terganggu boleh menyebabkan kehancuran hidup manusia. Oleh sebab itu, dari segi adat, mereka dilarang menebang pokok sewenang-wenangnya kecuali untuk keperluan sahaja tetapi dengan syarat tertentu. Segundad memberi contoh, sekiranya perlu menebang sebatang pokok rotan, maka seseorang itu perlu menanam semula dua pokok, satu untuk diri sendiri dan satu lagi untuk anak kita pada masa depan. Melalui cara ini kita mengekalkan hutan untuk generasi akan datang.

Kajian berkaitan amalan penjagaan alam sekitar yang diamalkan oleh masyarakat Kadazandusun dapat dilihat melalui tulisan Tongkul (2007). Beliau membincangkan masyarakat Kadazandusun secara umum dari sudut ekonomi, sosial dan pendidikan. Menurut beliau, hubungan yang harmoni antara manusia dengan alam adalah prinsip utama kehidupan mereka. Berdasarkan konsep ini, menghormati dan menjaga seluruh alam menjadi tunjang utama dalam menguruskan sumber alam. Sumber alam dilihat sebagai anugerah Tuhan yang perlu dikongsi dan dijaga bersama-sama. Masyarakat Kadazandusun juga memahami bahawa terdapat had tertentu dalam pengambilan sumber alam kerana mereka hanyalah penjaga kepada alam ini. Konsep menghormati dan menjaga alam mendasari kepercayaan tradisional masyarakat Kadazandusun bahawa setiap benda di dunia ini mempunyai semangat atau penunggu. Oleh sebab itu, konsep guna dan jaga (*gompi-guno*) adalah untuk memastikan sumber alam digunakan secara lestari. Sumber alam adalah seperti tanah, hutan, sungai dan hidupan liar merupakan sumber kehidupan bagi komuniti tempatan. Oleh itu, pengambilan sumber secara tidak terkawal contohnya pengambilan ikan secara tidak terkawal dari sungai dan hidupan liar dari hutan boleh menyebabkan kemarahan penunggu sungai dan penunggu hutan seterusnya pelaku boleh dikenakan tindakan dari segi adat. Sama juga dengan konsep meninggalkan buah terakhir di atas pokok untuk memastikan penyebaran buah dan memenuhi prinsip pelestarian.

Dalam tulisan itu juga, Tongkul (2007) memberikan dua cara pelestarian sumber hutan dan sumber sungai yang digunakan oleh masyarakat tradisional Kadazandusun. Hutan dan sumbernya dapat dilestarikan dengan memastikan pokok tidak ditebang tanpa keperluan. Pembukaan hutan untuk tujuan perladangan juga selalunya dilakukan dalam skala yang kecil dan tidak melibatkan hutan kelas

pertama. Jika kesuburan tanah semakin berkurangan, masyarakat Kadazandusun akan memberikan ruang dan masa untuk kawasan tanah tersebut rehat dengan tidak menanam apa-apa dalam satu tempoh tertentu. Proses ini dapat mengembalikan kesuburan tanah tersebut. Begitu juga dengan hidupan liar, untuk memastikan hidupan liar terus wujud, terdapat tempoh tertentu untuk berburu dan hanya haiwan yang cukup matang boleh dibunuh. Konsep yang sama juga digunakan untuk ikan-ikan di sungai. Sebahagian daripada sungai ditandakan sebagai kawasan larangan untuk menangkap ikan atau dikenali sebagai *managal*.

Minah (2013) menyenaraikan beberapa kaedah pelestarian alam sekitar yang dikaitkan dengan kepercayaan masyarakat Kadazandusun. Selain amalan Bombon, Minah turut membincangkan beberapa kaedah lain yang berkaitan dengan pelestarian alam. Kaedah-kaedah tersebut dikenali sebagai *patod*, *mamahui pogun*, *mongulat* dan *monutud do tumo*, *mangalit do tumo*, *momiro* dan *mononduk*. Semua kaedah ini dikaitkan dengan kepercayaan tradisional masyarakat Kadazandusun dan terdapat ritual serta denda dari segi adat bagi mereka yang tidak mematuhi. Amalan-amalan tradisional yang dibincangkan oleh Minah bertujuan untuk menjaga keseimbangan alam melalui aktiviti yang dijalankan secara tradisional. Selain untuk tujuan pemuliharaan alam sekitar, aktiviti-aktiviti tersebut diadakan untuk menjaga hubungan yang harmoni antara manusia dengan alam dan antara manusia dengan manusia.

Amalan tradisional dalam menguruskan sumber alam bukan sahaja menyumbang kepada pelestarian alam dan warisan budaya malahan dapat mengekalkan keseimbangan alam seterusnya memastikan hasil yang berlipat ganda. Pengetahuan dan kearifan tempatan didapati menerima banyak cabaran terutama pencerobohan ke atas tanah penduduk asal dan hutan simpan di negeri Sabah. Hutan adalah penting kerana sumber makanan, ubat-ubatan, bahan membuat rumah, kraftangan dan peralatan menangkap ikan dan berburu. Oleh sebab itu, penduduk asal negeri ini berusaha menjaga sumber tersebut dengan membuat tuntutan berdasarkan adat masyarakat Kadazandusun. Pengetahuan mereka tentang hutan amat luas meliputi fungsi termasuk kawasan perkuburan nenek moyang mereka, mata air, kawasan yang dibolehkan untuk berladang dan berburu. Ladang mereka juga direhatkan daripada penanaman antara lima hingga tujuh tahun sekiranya didapati kesuburan tanah semakin berkurangan.

Sri Rahayu dan Jayum (2013) dalam tulisan mereka menyatakan bahawa masyarakat Kadazandusun sebagai penduduk asal negeri Sabah mempunyai banyak kemahiran dan pengetahuan yang diiktiraf sebagai kearifan tempatan. Kearifan tempatan ini dibentuk untuk menjaga keharmonian penduduk, demi kelangsungan kehidupan dengan sumber alam yang mereka miliki. Sama seperti pengkaji sebelum ini, mereka mendapati bahawa masyarakat Kadazandusun mempunyai kefahaman yang dikongsi bersama, iaitu sumber alam hanya boleh diambil setakat yang diperlukan sahaja.

Kulip (2016) dalam tulisannya turut membincangkan unsur kepercayaan tradisional dalam amalan harian masyarakat Kadazandusun terutama dalam pengurusan sumber alam. Beliau turut memasukkan konsep petanda dan mimpi dalam aktiviti harian mereka. Hubungan antara kepercayaan tradisional dan amalan melestarikan alam adalah saling berkaitan. Bagi mereka, semua amalan tradisional itu memerlukan kerjasama semua pihak. Oleh itu, mereka perlu menjaga hubungan sesama manusia juga. Sekiranya ada penduduk kampung ditimpa musibah, maka seluruh penduduk kampung perlu menghentikan aktiviti menanam padi mereka. Ia ditunjukkan sebagai tanda hormat dan turut berduka dengan musibah tersebut. Jika amalan ini tidak dihormati, dikhuatiri tanaman mereka tidak akan membuah hasil. Beliau menggariskan 14 bentuk kepercayaan tradisional yang dikaitkan dengan amalan membuka tanah untuk pertanian, menuai hasil hutan dan sumber sungai. Beliau bersetuju bahawa semua pengetahuan dan amalan tradisional masyarakat Kadazandusun adalah penting dalam usaha melestarikan sumber alam demi generasi akan datang.

Sistem Bombon merupakan antara cara yang banyak dibincangkan sebagai amalan melestarikan alam oleh masyarakat Kadazandusun. Prinsip utama sistem pengurusan sungai ini adalah kelestarian alam dan hubungan antara semua perkara yang melibatkan fizikal dan spiritual. Kefahaman akan tahap keperluan yang boleh diambil daripada alam semula jadi dan bahawa manusia hanyalah sebagai pemegang amanah kepada alam persekitaran yang mereka duduki adalah konsep utama sistem ini.

Kulip menerangkan bagaimana sistem Bombon dijalankan tetapi tidak menyentuh tentang adat dan hukum adat masyarakat Kadazandusun yang diamalkan dalam sistem ini.

Zeno Fernandez (2009) adalah antara penulis yang mengkaji sejarah sistem Bombon. Dalam tulisannya, beliau menyentuh tentang sistem Bombon di daerah kecil Tamparuli, Tuaran, Sabah. Antara topik yang dibincangkan adalah sejarah awal pelaksanaan dan tujuan sistem Bombon diadakan. Perbincangan sejarah awal sistem Bombon disepakati oleh komuniti di kawasan Tamparuli diikuti dengan pelaksanaan sistem Bombon yang terkini. Beliau turut membincangkan peranan jawatan kuasa khusus pelaksanaan sistem Bombon dalam sesebuah kampung. Perbincangan beliau turut menyatakan peranan Jabatan Perikanan Negeri Sabah yang dikatakan sebagai pemangkin kejayaan sistem Bombon di Tamparuli.

Sementara itu, tulisan Foo (2011), dan Foo dan Harifah Mohd. Noor (2012) berkaitan sistem Bombon lebih banyak menyentuh tentang manfaat sistem Bombon kepada komuniti dari segi ekonomi melalui industri pelancongan. Kertas kerja Foo (2011) menjelaskan peranan komuniti dan manfaat sistem Bombon dalam industri pelancongan di Kampung Luanti Baru, Ranau kepada komuniti yang terlibat. Kajian Foo (2012) lebih menumpukan kepada penerimaan penduduk tempatan tentang budaya Bombon yang dijalankan dalam komuniti mereka. Perbincangan penulis juga diluaskan dengan menyentuh kepentingan sumber semulajadi dan keperluan untuk menyediakan pengurusan persekitaran yang lebih cekap. Antara caranya adalah dengan memperkukuh peraturan sistem Bombon dan penguatkuasaan dengan mengenakan *sogit* mengikut peraturan kampung. Jumlah *sogit* adalah bergantung kepada keputusan yang dilakukan oleh jawatankuasa dilantik oleh kampung. Bagi kes lokasi kajian mereka, pelanggaran peraturan yang ditetapkan boleh menyebabkan pelaku didenda seekor lembu atau kerbau yang bernilai sebanyak RM1500 dan bayaran denda sebanyak RM500 tunai, dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM2000.

Er *et al* (2012) turut membincangkan kesan-kesan positif pelaksanaan sistem Bombon kepada komuniti dari segi pelancongan. Dalam artikel tersebut, dijelaskan pelaksanaan sistem Bombon membawa bersama tiga kesan positif. Pertama adalah kepada komuniti setempat yang mendapat pulangan dari segi ekonomi melalui pembukaan pusat pelancongan berasaskan alam. Kedua, kepada alam sekitar yang dapat dilestarikan melalui pelaksanaan sistem Bombon dan yang ketiga, kepada pihak kerajaan kerana melalui Sistem Bombon, pencemaran dapat dikurangkan. Sudah tentu pihak kerajaan memerlukan perbelanjaan yang besar tanpa kerjasama komuniti setempat yang mengamalkan sistem Bombon.

Minah Sintiam (2013) dalam tulisannya menyentuh sedikit tentang amalan Bombon sebagai satu kaedah tradisi untuk melindungi ikan daripada dituai secara tidak terkawal. Kaedah ini berjaya melindungi ikan-ikan sungai daripada pupus. Beliau menjelaskan bahawa kaedah ini sudah lama diamalkan oleh penduduk kampung. Jabatan Perikanan Negeri Sabah bagaimanapun telah menambah baik kaedah tersebut namun tidak menjelaskan bentuk penambahbaikan tersebut. Beliau turut menulis secara ringkas tentang ritual yang dijalankan sebelum pengisytiharan perjanjian diadakan. Dalam ritual tersebut, seekor kerbau disembelih dan darah kerbau dipercik ke sungai menandakan sumpah adat. Sesiapa sahaja yang didapati bersalah melanggar sumpah itu akan didenda seekor kerbau sebagaimana sumpah yang dilafazkan pada hari itu. Tulisan ringkas Minah tentang amalan ini tidak membincangkan dengan lanjut.

Seterusnya, melalui penelitian daripada kajian Foo (2019) membincangkan pemuliharaan warisan kebudayaan melalui sistem Bombon. Dalam kajiannya, beliau menyatakan bahawa warisan kebudayaan dapat dipulihara melalui amalan sistem Bombon kerana sistem Bombon adalah amalan tradisional masyarakat kadazandusun yang ditambah baik dengan kerjasama Jabatan Perikanan Negeri Sabah untuk membentuk sistem yang lebih dinamik dan bersifat universal.

Metod dan Kawasan Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta (*participant observation*) dengan menggunakan teknik temu bual secara formal dan tidak formal. Kajian berkaitan sistem Bombon difokuskan kepada kumpulan masyarakat Kadazandusun di Kampung Poturidung, Kampung Malangang dan Kampung Lokub di Kiulu, Tuaran, Sabah. Kampung-kampung ini masih mengamalkan adat tradisi yang dipraktikkan. Kawasan Kiulu terletak dalam kawasan pentadbiran Daerah Tuaran dan mempunyai keluasan 537 kilometer persegi di Pantai Barat Negeri Sabah. Kiulu terletak lebih kurang 60 kilometer dari pusat Bandaraya Kota Kinabalu iaitu ibu negeri Sabah. Kedudukan Kiulu di bawah kaki Banjaran Crocker dan bersempadan dengan daerah Penampang, Tambunan, Nabalun dan tanah tinggi Ranau telah mempengaruhi bentuk muka bumi Kiulu. Hampir 70% keluasan Kiulu diliputi oleh bentuk muka bumi yang berbukit bukau.

Kajian lapangan dilakukan untuk mendapatkan data-data kajian. Menurut Orne, J & Bell, M.M. (2015:181) melalui kajian lapangan, pengkaji melihat para informan menyatakan pandangan mereka tanpa perlu bertanya apa-apa soalan. Pengkaji melihat dan mendengar ketika masyarakat itu saling berinteraksi dalam konteks sosial. pengkaji juga mendengar daripada masyarakat itu sendiri dalam situasi sebenar dan bertanyakan soalan-soalan seterusnya, cara terbaik untuk menganalisis perlakuan mereka, dan maklum balas sebenar pada masa itu. Melalui penyelidikan di lapangan juga, kejadian sebenar dalam kehidupan sosial dapat diperhatikan untuk memahami tingkah laku subjek kajian tersebut secara langsung, menyeluruh, serta dalam situasi sebenar. Dengan cara ini, tingkah laku komuniti tersebut dapat dilihat secara menyeluruh dalam situasi sebenar.

Kaedah temu bual secara mendalam (*in-depth interview*) telah digunakan. Dengan cara ini, keseluruhan informan yang hendak dikaji bagi menyelesaikan sesuatu kes dapat dilakukan. Dalam kajian ini, informan-informan yang dipilih adalah berdasarkan pengalaman dan penglibatan mereka dalam mengendalikan hukum adat dan amalan budaya masyarakat Kadazandusun khususnya dalam pelaksanaan system Bombon. Untuk memastikan maklumat yang diperolehi adalah sahih dan bermanfaat, kebanyakan informan yang ditemu bual adalah berumur 50 tahun ke atas, serta mempunyai kedudukan yang penting dalam masyarakat. Antara informan yang ditemu bual adalah Ketua Anak Negeri, Ketua Kampung, bekas Ketua Daerah, bekas Pemimpin Kemajuan Rakyat, bekas Pegawai Daerah, bekas Ketua Anak Negeri, Bekas Ketua Kampung, Pengerusi Persatuan Bombon dan budayawan yang kebanyakannya pernah dan masih aktif terlibat secara langsung dengan amalan aktiviti budaya yang dikaji.

Pengkaji turut menggunakan kajian pustaka bagi mendapatkan data dan maklumat melalui sumber sekunder. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat memperoleh maklumat melalui dokumen bercetak dan tidak bercetak. Penelitian awal data dan maklumat yang relevan berkaitan aspek-aspek kebudayaan masyarakat Kadazandusun adalah amat berguna untuk memahami dengan jelas tentang kepercayaan, budaya serta nilai masyarakat tersebut secara umum.

Sistem Bombon

Bombon bermaksud ‘jangan’ atau ‘dilarang’ atau ‘ditegah’ dengan adat¹. Dalam kehidupan masyarakat Kadazandusun, adat bukan sahaja penting dalam mengurus sumber alam mereka tetapi juga bagaimana mereka menjalani proses kehidupan. Adat selalunya dianggap sebagai satu sistem perundangan tradisional, tetapi bagi masyarakat orang asal, adat adalah lebih luas daripada itu. Adat merangkumi satu set kepercayaan dan nilai-nilai yang mempengaruhi semua aspek kehidupan. Adat juga adalah satu set peraturan dan prinsip yang tidak tertulis merangkumi seluruh kehidupan termasuk hubungan antara manusia dengan manusia dan antara manusia dengan dunia ghaib. Dalam pengurusan sumber alam, adat turut melibatkan banyak upacara yang bertujuan untuk pemuliharaan. Tujuannya adalah untuk mewujudkan hubungan yang baik dengan dunia semangat ghaib yang dipercayai mendiami alam ini (Segundad, 2004:181).

¹ Temu bual dengan Sami Bangun, 62 Tahun. 14 Julai 2019.

Melalui kaedah tradisional ini, sebahagian kawasan sungai dikenakan Bombon bertujuan untuk pemuliharaan. Kawasan sungai dikenakan Bombon mempunyai lubang dalam yang menjadi tempat perlindungan ikan bertujuan untuk pemuliharaan ikan agar pembiakan ikan bertambah dalam satu tempoh masa tertentu. Budaya Bombon berasas kepada sistem kepercayaan tradisional masyarakat Kadazandusun yang menghormati alam sekeliling mereka. Bombon merupakan amalan yang bersifat tempatan, menyeluruh dan bersepadu dengan alam. Melalui kaedah Bombon sungai, bukan sahaja ikan-ikan di kawasan yang dikenakan Bombon tidak boleh ditangkap dengan apa cara sekalipun malahan kawasan tersebut juga tidak boleh diceroboh sesuka hati. Mengambil batuan dan pasir dan pasir di kawasan tersebut juga menjadi satu kesalahan.

Larangan menangkap ikan di kawasan lubang yang dikenakan Bombon ditetapkan bagi satu tempoh tertentu. Biasanya Bombon akan dituai dalam masa satu hingga tiga tahun sekali bergantung kepada persetujuan bersama dengan penduduk kampung dan bergantung kepada keadaan semasa. Tarikh dan masa untuk menuai ikan disepakati bersama oleh penduduk kampung. Dalam tempoh tersebut, penduduk dilarang menangkap ikan sesuka hati di kawasan tersebut. Melalui amalan Bombon, penggunaan alam semula jadi iaitu kawasan lubang sungai dihadkan untuk tujuan pemuliharaan untuk memastikan sumber ikan berterusan dan berkekalan. Kawasan tersebut tidak diganggu dalam tempoh masa tertentu untuk memberi masa kepada pembiakan ikan serta meningkatkan penghasilan jumlah ikan. Apabila tiba masanya, kawasan tersebut akan dibuka untuk tujuan menuai ikan. Pemilihan hari untuk menuai ikan biasanya mengambil kira keadaan cuaca dan hari cuti. Keadaan cuaca yang panas dan kering pada musim kemarau menjadi pilihan untuk penduduk kampung menetapkan hari untuk aktiviti menuai ikan atau *maganu Bombon* dalam Bahasa Kadazandusun. Cuaca panas berpanjangan akan menyebabkan air sungai sedikit cetek dan memudahkan proses penangkapan ikan dilakukan. Penduduk kampung juga mengambil kesempatan daripada keadaan suhu yang panas pada musim kemarau untuk beriadah di sungai sambil melakukan aktiviti menangkap ikan beramai-ramai. Jika kebetulan *maganu Bombon* diadakan pada waktu cuti, kemeriahan semakin bertambah kerana lebih banyak penduduk dapat bersama-sama pada hari tersebut.

Semasa *maganu Bombon*, hanya peralatan tradisional digunakan untuk menangkap ikan. Peralatan tersebut adalah sauk yang diperbuat daripada rotan, jala dan pancing. Ikan-ikan yang diperolehi akan dibahagikan sama rata kepada semua penduduk kampung. Aktiviti Bombon membolehkan semua penduduk kampung menikmati hasil ikan yang telah dikenakan Bombon di kampung mereka. Melalui cara ini juga, seluruh komuniti kampung dapat menikmati hasil ikan yang dituai. Semua penduduk kampung bekerjasama menyumbangkan tenaga semasa aktiviti *maganu Bombon* berlangsung sesuai dengan kudrat dan kemahiran masing-masing. Setiap ahli kumpulan yang bertugas pada hari menuai Bombon akan diberikan agihan ikan yang lebih. Kita dapat melihat tugas semua kumpulan, sikap saling bekerjasama dalam setiap kumpulan dan agihan khas ikan mengikut tugas masing-masing. Bagi penduduk yang tidak bertugas pada hari *maganu Bombon* atau mereka yang kurang upaya, mereka tetap mempunyai peranan lain iaitu dari segi kutipan sumbangan kewangan untuk pelaksanaan Bombon. Maka itu semua penduduk kampung layak mendapat bahagian masing-masing daripada hasil tangkapan ikan semasa *maganu Bombon*. Selepas semua proses pembahagian ikan dan pembersihan kawasan persekitaran selesai dilakukan, maka larangan menangkap ikan atau sistem Bombon diteruskan semula.

Bombon asalnya dilaksanakan secara kecil-kecilan atau secara individu sebelum dijadikan amalan oleh seluruh komuniti kampung. Bombon dilaksanakan untuk mendidik masyarakat agar melindungi, memelihara dan mengurus sumber ikan di sungai untuk memastikan sumber perikanan sungai tersebut dapat diperolehi secara berterusan. Pelanggaran peraturan Bombon bermakna melanggar adat dan biasanya akan diadili oleh Ketua Kampung. Jika kes berkenaan tidak dapat diselesaikan di peringkat kampung, maka kes berkenaan akan dibawa ke peringkat Mahkamah Anak Negeri. Pelaksanaan hukum adat masyarakat Kadazandusun kerana kesalahan melanggar peraturan Bombon mungkin berbeza antara kampung atau daerah yang lain. Individu yang melanggar peraturan Bombon akan dikenakan hukuman dari segi adat iaitu seekor kerbau atau dalam bentuk wang tunai sebanyak tiga ribu ringgit iaitu nilai yang sama dengan harga seekor kerbau. Semua peralatan menangkap ikan juga akan dirampas.

Seiring dengan peredaran zaman, sistem Bombon juga mengalami inovasi dan perkembangan. Menurut Wong *et al* (2009), pihak kerajaan melalui Jabatan Perikanan Negeri Sabah telah mengiktiraf sistem Bombon sebagai satu kaedah pemuliharaan ikan air tawar secara tradisional yang paling berkesan, seterusnya mengangkat sistem ini sebagai satu sistem pengurusan pintar (*smart-partnership*) antara pihak kerajaan dengan komuniti setempat. Melalui perkongsian pengurusan pintar ini, pihak kerajaan membantu penduduk kampung secara teknikal, khidmat nasihat dan bantuan kewangan untuk mewujudkan pengurusan sistem Bombon dengan lebih sistematik. Selain itu, pihak kerajaan juga memperkenalkan beberapa inovasi dan penambahbaikan ke atas sistem Bombon. Antaranya adalah memperkenalkan sistem pengurusan sungai mengikut konsep warna melalui pembahagian zon. Zon-zon warna yang diperkenalkan adalah zon hijau, zon kuning dan zon merah. Setiap zon mempunyai huraian penerangan sendiri. Pembahagian zon tersebut dapat dilihat melalui Jadual 1.

Jadual 1: Konsep Pengezonan Bombon



(Sumber: Diubah suai daripada Wong *et al*:2009)

Pada hari ini, aktiviti Bombon sebagai amalan tradisional dalam menguruskan sumber alam yang bukan sahaja menyumbang kepada pelestarian alam dan warisan budaya malahan dapat mengekalkan keseimbangan alam seterusnya memastikan hasil yang berlipat ganda. Aktiviti ini telah menjadi identiti masyarakat Kadazandusun seterusnya layak diangkat sebagai warisan kebangsaan. Hal ini selari dengan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) yang menggariskan klasifikasi konsep warisan kebudayaan tidak ketara sebagai kegiatan budaya yang dilakukan oleh manusia termasuklah tradisi lisan, amalan sosial, ritual, perayaan tradisi serta ilmu pengetahuan dan amalan yang berkaitan dengan alam. Maka itu, sistem Bombon sewajarnya termasuk dalam kategori warisan kebudayaan tidak ketara sesuai dengan definisi tersebut kerana aktiviti ini merupakan amalan budaya masyarakat Kadazandusun yang diamalkan sejak zaman nenek moyang mereka sehingga berjaya membina kearifan tempatan yang mempunyai signifikan dalam kelangsungan hidup masyarakat tersebut.

Dalam hal ini juga, sistem Bombon turut memenuhi fungsi kearifan tempatan seperti yang digariskan oleh Rohana Sufia, Sumarni dan Amirudin (2016) iaitu;

- i) Sebagai identiti suatu bangsa.
- ii) Sebagai agen penyatuan seluruh masyarakat, semua agama dan kepercayaan.
- iii) Kearifan tempatan mewujudkan keharmonian dalam sebuah komuniti.

- iv) Mengubah cara pemikiran dan membentuk hubungan saling melengkapi antara individu dan komuniti dengan berasaskan kebudayaan yang dimiliki.
- v) Menggalakkan kerjasama dan saling menghargai dalam komuniti sebagai satu mekanisme penyatuan untuk menangkis pelbagai kemungkinan yang boleh merosakkan perpaduan.

Kesimpulan

Sistem Bombon merupakan kearifan tempatan masyarakat Kadazandusun yang sudah diamalkan sejak zaman nenek moyang mereka. Aktiviti ini dilaksanakan untuk mengatasi masalah kekurangan sumber ikan air tawar dan mengelakkan pencemaran sungai seterusnya untuk mewujudkan hubungan yang baik antara manusia dengan dunia ghaib. Aktiviti yang berasas kepada kepercayaan tradisional masyarakat tersebut berjaya melalui sejarah yang panjang dan mampu bertahan sehingga hari ini. Walaupun pada hari ini masyarakat Kadazandusun di Kiulu, Tuaran, Sabah sudah mempunyai pegangan agama seperti agama Kristian dan agama Islam, namun mereka tetap menghormati adat dan kepercayaan tradisional nenek moyang mereka. Amalan Bombon menjamin komuniti setempat untuk mendapat sumber ikan air tawar secara berterusan dan menikmati aliran sungai yang bersih. Kini, pelbagai inovasi dan penambahbaikan dilakukan untuk menjadikan aktiviti Bombon dapat menyumbang kepada persekitaran sosial, terutama dari segi pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Kadazandusun namun yang pasti, amalan tradisional ini berjaya menyatupadukan komuniti setempat.

Rujukan

- Abdul Mukti. (2010). *Beberapa kearifan lokal suku Dayak dalam pengelolaan sumber daya alam*. Malang: Universitas Brawijaya.
- Akta Warisan Kebangsaan. Cetakan semula. Undang-undang Malaysia. Akta 645 (2005).
- Atmadi, G. (2013). The implementation of corporate communication based on local wisdom in facing globalization. In *Prosiding The 5th International Conference on Indonesian Studies: "Ethnicity and Globalization"* (pp. 189-204).
- Ayatrohaedi. (1986). *Kepribadian budaya bangsa: Local Genius*. Jakarta: Dunia Pustaka Jaya.
- Er, A. C., Sivapalan Selvadurai, Lyndon, N., Chong, S. T., Adam, J. H., Mohd Fuad Mat Jali., Hamzah Jusoh. (2012). The evolvement of tagal on ecotourism and environmental conservation: A case study in Kampong Luanti Baru, Sabah. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 6(1), 61-64.
- Evelina L. W. (2016). Vertical communication based on local wisdom: A study of world class university. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities*, 24, 59-70. Diperoleh daripada <https://www.researchgate.net/publication/335946821>
- Foo, J. (2011). Sistem Tagal dalam industri pelancongan: Manfaat kepada komuniti. *Malaysia Journal of Society and Space*, 7(1), 14-25. Diperoleh daripada <http://journalarticle.ukm.my/680/1/2.2011-1-jurry-melayu-3.pdf>
- Foo, J. (2019). Pemuliharaan warisan kebudayaan melalui sistem tagal sungai di Sabah. Dlm. Ismail Ibrahim, Mat Zin Mat Kib & Sim, C. C. (Pnyt.). *Borneo dalam kepelbagaian perspektif* (159-174). Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah. http://www.ijhssnet.com/journals/Vol_2_No_13_July_2012/18.pdf
- Foo, J. & Harifah Mohd Noor. (2012). Respon masyarakat tempatan terhadap pelaksanaan sistem Tagal. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(2), 30-37. Diperoleh daripada <https://www.researchgate.net/publication/234135804>
- Kamus Dwibahasa Melayu – Inggeris Dewan*. (2012). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kulip, J. (2016). A study on the traditional beliefs and practices on the agricultural land, forest resources and conservation by the Dusun people in Tambunan district, Sabah, Malaysia. *Congress Traditional Knowledge for Ecosystem Services & Asian Countries-Folk Culture: Proverbs, Old Sayings and Community Rules. 2-4 March. Kuala Lumpur, Malaysia*.
- Luping, H. J. (2009b). *Indigenous ethnic communities of Sabah, the KadazanDusun*. Kuala Lumpur: Kementerian Maklumat, Komunikasi, dan Kebudayaan Malaysia.

- Minah Sintiam. (2013). *Kepercayaan dan amalan Kadazandusun dalam pemeliharaan alam sekitar*. Diperoleh pada 2 Februari 2018 daripada www.researchgate.net/publication/272357429
- Mungmachon, R. (2012). Knowledge and local wisdom: Community treasure. *International Journal of Humanities and Social Science*, 2(13), 174-181. Diperoleh daripada
- Orne, J. & Bell, M. M. (2015). *An invitation to qualitative fieldwork*. New York: Routledge.
- Rohana Sufia, Sumarmi, & Ach. Amirudin. (2016). Kearifan lokal dalam melestarikan lingkungan hidup (Studi kasus masyarakat adat desa kemiren kecamatan glagah kabupaten banyuwangi). *Jurnal Pendidikan*, 1(4), 726-731. Diperoleh daripada <http://journal.um.ac.id/index.php/jptpp/article/view/6234/2663>
- Rushdi Lusi, 43 Tahun. Kg. Poturidong, Kiulu. Pemandu Pelancong. 14 Mac 2019.
- Sagunting Lakui. 83 Tahun. Kg. Lokub, Kiulu. Bekas Ketua Kampung. 2 Februari 2019.
- Sami Bangun. 62 Tahun. Kg. Ranap, Kiulu. Bekas Pegawai Kemajuan Rakyat (PKR Kiulu). 14 Julai 2019.
- Segundad, P. (2004). Biodiversity and tradition in Malaysia. Dlm. R. S. Gottlieb (Pnyt.). *This sacred Earth: Religion, nature, environment* (180-185). Great Britain: Routledge.
- Shim, P. S. (2007). *Inland people of Sabah before, during and after Nunuk Ragang*. Sabah: Borneo Cultural Heritage Publisher.
- Tongkul, F. (2007). *Traditional system of indigenous peoples of Sabah, Malaysia* (ed. ke-2). Kota Kinabalu: Pacos Trust.
- Tongkul, F., Lasimbang, A., Lasimbang C., & Chin, Jr. P. (2013). Traditional knowledge and SFM experience from Malaysia. *Unasyva*, 64, 41-49.
- Wong, J. Z., Etoh, S., & Sujang, A. B. (2009). Toward sustainable community based fishery resources management: The Tagal system of Sabah, Malaysia. *Southeast Asian Fisheries Development Center*, 7(2), 18-23. Diperoleh drpd <http://repository.seafdec.org/bitstream/handle/20.500.12066/791/sp7-2%20tagal%20system%20of%20sabah%20malaysia.pdf?sequence=1>
- Zeno Fernandez. (2009). *Budaya tagal di Tamparuli*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.